

**PERUTUSAN YAB PERDANA MENTERI MALAYSIA  
SEMPENA HARI INTEGRITI NASIONAL  
5 NOVEMBER 2005.**

-----

Malaysia telah mencapai kejayaan cemerlang sebagai sebuah negara membangun dan akan terus berusaha menjadi sebuah negara maju, mengikut acuan sendiri. Untuk melangkah ke masa hadapan yang lebih cemerlang, negara perlu bijak mengurus kejayaan serta mengatasi pelbagai cabaran yang dihadapi dengan tegas dan berkesan. Cabaran besar yang perlu ditangani dalam konteks ini ialah pemantapan etika dan integriti.

Pemantapan etika dan integriti dalam kehidupan harian adalah penting bagi mencapai tahap negara dan masyarakat maju yang mempunyai nilai moral dan etika tinggi serta nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh. Dalam pada itu, Kerajaan telah melancarkan Pelan Integriti Nasional (PIN) dan menubuhkan Institut Integriti Malaysia (IIM) sebagai asas untuk memantapkan etika dan integriti masyarakat. Kerajaan juga telah mempertingkatkan usahanya untuk memerangi gejala rasuah di sektor awam dan swasta.

Bagi membudayakan integriti sebagai cara hidup masyarakat Malaysia, Kerajaan telah mengisytiharkan tarikh 5 November setiap tahun sebagai "Hari Integriti Nasional", bermula tahun ini. Walaupun sambutan Hari Integriti Nasional diadakan setahun sekali, namun Kerajaan berharap agar pelaksanaan agenda integriti oleh semua rakyat Malaysia akan dijalankan sepanjang masa.

Sesungguhnya, gerakan pemantapan integriti negara bersifat menyeluruh dan meliputi semua lapisan dan sektor masyarakat. Dengan itu, keberkesanan dan kejayaan gerakan tersebut juga bergantung pada penglibatan secara langsung semua pihak. Lantaran, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan sokongan dan penglibatan semua, baik dari sektor awam, swasta, dan pertubuhan bukan kerajaan, untuk menjayakan sambutan Hari Integriti Nasional ini.

Dengan sokongan dan penghayatan daripada semua pihak, serta pelaksanaan berkesan terhadap gerakan pemantapan integriti negara, saya yakin rakyat Malaysia dapat melangkah ke hadapan dan mencapai cita-cita bersama, untuk menjadi sebuah negara dan masyarakat maju mengikut acuan sendiri, serta membina satu masyarakat Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Selamat Menyambut Hari Integriti 2005.

PEJABAT PERDANA MENTERI  
BANGUNAN PERDANA PUTRA  
PUTRAJAYA  
5 NOVEMBER 2005